

TARIKH	09 / 04 / 2014	SEKSYEN	NEGARA
MUKA SURAT	18	RUANGAN	

## MPI terima RM388,000 untuk Hadiah Kewartawanan



CHAMIL (barisan kedua empat berdiri dari kiri) bergambar bersama para wakil penaja HKM MPI-Petronas termasuk Syed Agil (depan, kiri) selepas majlis penyampaian sumbangan bagi program itu di Kuala Lumpur semalam.

PETALING JAYA - Institut Akhbar Malaysia (MPI) menerima sumbangan bernilai RM388,000 bagi menjayakan Hadiah Kewartawanan Malaysia (HKM) MPI-Petronas 2014 pada 18 April ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chamil Wariya berkata, jumlah itu merupakan sumbangan daripada 56 buah syarikat korporat, badan kerajaan dan media tempatan.

Petronas yang telah bekerjasama dengan MPI selama 20 tahun turut menyumbang RM300,000 untuk hadiah bagi anugerah yang akan diadakan di One World Hotel di sini.

"MPI menerima penyertaan sebanyak 552 artikel oleh 284 war-

tawan dari pelbagai agensi media cetak dan elektronik. Penyertaan paling tinggi diterima adalah bagi kategori Kewartawanan Foto Cemerlang iaitu 78 orang dilukti Esei Foto Cemerlang 38 orang.

"Kesemua bahan itu akan dinilai oleh panel hakim yang diketuai oleh Profesor Dr. Mohd. Safar Hasim," katanya pada sidang akhbar sempena majlis penyampaian sumbangan oleh penaja di sini semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengurus Jabatan Pengurusan Utusan Melayu (M) Berhad, Syed Agil Syed Jaafar.

Antara wakil penaja yang hadir menyampaikan cek tajaan ialah IMalaysia Development Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia

Berhad, Clixster Axiata Berhad, Felda Global Ventures Holdings Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd, Utusan Melayu (M) Berhad dan lain-lain lagi.

Chamil berkata, para pemewang bagi 18 kategori yang dipertandingkan akan menerima hadiah wang tunai RM15,000.

Penyertaan terbaik akan dinobatkan sebagai Penerima Anugerah Kajai dan bakal membawa pulang wang tunai RM30,000 serta pingat emas seberat 100gram.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin diundang untuk menjadi tamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.